



NAJIB TUN RAZAK bersama Tony Tan sewaktu menerima kunjungan Timbalan Perdana Menteri Singapura itu di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

# Malaysia, Singapura setuju pertingkatkan keselamatan, Selat Melaka

Oleh ASUKI ABAS

PUTRAJAYA 27 Julai - Malaysia dan Singapura bersetuju untuk sentiasa mempertingkatkan langkah-langkah keselamatan bersama di Selat Melaka selain kerjasama sedia ada dalam mengekang ancaman penganas.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kedua-dua negara sedar bahawa langkah-langkah baru perlu terus dicari bersama-sama dengan Indonesia walaupun ketiga-tiga negara telah mengadakan 'Rondaan Terkoordinasi Selat Melaka-Singapura'.

## Rondaan

Bagaimanapun katanya, cadangan untuk mengadakan rondaan bersama tidak dapat diterima kerana ia bertentangan dengan prinsip asas iaitu tidak mencampuri kedaulatan dan integriti kawasan setiap negara pesisir.

"Kami bersetuju untuk terus berbincang, melihat kemungkinan dan memperkenalkan cara baru untuk meningkatkan kerjasama keselamatan.

"Kami juga bersetuju bahawa prinsip asas iaitu kedaulatan kawasan dan integriti setiap negara pesisir perlu dijadikan dasar ketika kita memperkenalkan strategi baru.

"(Jadi) buat masa sekarang, kami tidak menimbangkan kemungkinan untuk mengadakan rondaan bersama, cuma kita telah pun menimbangkan rondaan terkoordinasi dan juga cara lain untuk meningkatkan keselamatan," katanya.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata demikian pada sidang akhbar bersama Timbalan Perdana Menteri Singapura, Dr. Tony Tan, di pejabatnya, di sini hari ini.

Dr. Tan yang sedang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke negara ini mulai hari ini, turut mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pejabatnya hari ini.

Selasa lalu, Malaysia, Singapura dari Indonesia melancarkan 'Rondaan Terkoordinasi Selat Melaka - Singapura' antara tentera laut masing-masing yang menyaksikan kerjasama dan rondaan 24 jam sehari sepanjang tahun.

Rondaan yang julung kali diadakan oleh ketiga-tiga negara itu disertai oleh tujuh kapal Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Laut dan masing-masing lima kapal Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Laut Singapura.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, beliau dan rakan sejawatnya itu

sependapat bahawa pasukan keselamatan kedua-dua negara wajar membincangkan perkara itu dan disusuli oleh para pemimpin.

"Kami bersetuju pusat koordinasi maritim boleh berhubung dan bertukar maklumat secara berkala.

"Kami juga bersetuju perisikan dan keselamatan adalah amat penting dan kerjasama harus diteruskan," katanya.

## Maklumat

Menurut Dr. Tan, kerjasama keselamatan antara Malaysia dan Singapura amat berkesan dan ia membuka peluang yang baik untuk memperkenalkan langkah-langkah tambahan pada masa depan.

"Kami berterima kasih kepada Malaysia kerana memberikan maklumat sekiranya diperlukan dan pertukaran perisikan ini amat disambut baik," katanya.

Tambahnya, kepentingan Selat Melaka tidak boleh diperkecilkan kerana ia merupakan laluan utama dunia yang dilalui oleh lebih 50,000 buah kapal setahun dan separuh daripada bekalan minyak antarabangsa.